

## PERWATAKAN PELAKU PEMBANGUNAN BERTERASKAN ISLAM BERDASARKAN PANDANGAN MUFASIRIN

### CHARACTERS OF DEVELOPMENT ACTORS FROM SCHOLARLY INTERPRETERS' VIEWPOINTS

Nurul Farhana Yahaya<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,  
(Email: nfymfa89@gmail.com)

#### Article history

**Received date** : 1-8-2021  
**Revised date** : 2-8-2021  
**Accepted date** : 19-9-2021  
**Published date** : 20-9-2021

#### To cite this document:

Farhana Yahaya (2021). Perwatakan Pelaku Pembangunan Berteraskan Islam Berdasarkan Pandangan Mufasirin. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 117-124.

**Abstrak:** Perwatakan pelaku pembangunan terbentuk daripada fungsi dan peranan manusia diciptakan. Manusia dalam pembangunan berteraskan Islam (PBI) berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah SWT manakala dalam pembangunan lazim pula, berfungsi sebagai makhluk ekonomi yang mengeluarkan dan mengguna semata-mata. Oleh sebab fungsi manusia berbeza, maka perwatakan juga berbeza. Al-Qur'an sebagai sumber epistemologi PBI ada memperihalkan perwatakan pelaku pembangunan. Persoalannya, apakah ayat-ayat al-Qur'an yang membincangkan perwatakan pelaku pembangunan? Bagaimanakah perwatakan pelaku PBI ditafsir oleh para musafirin? Bagi menjawab kedua-dua persoalan tersebut, kertas kerja ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, mengenal pasti ayat-ayat perwatakan pelaku pembangunan dalam al-Qur'an; dan kedua, menganalisis perwatakan pelaku pembangunan berdasarkan tafsiran para mufasirin. Kajian kualitatif yang menggunakan kaedah tafsir al-mawdu'iy ini mendapati empat perwatakan pelaku pembangunan yang dibina daripada padangan mufasirin iaitu manusia yang berprinsip, dermawan, berintegriti dan berwawasan.

**Kata kunci:** Perwatakan, Pelaku Pembangunan Berteraskan Islam, Mufasirin

**Abstract:** The characters of development actors form through the functions and roles of human creation. Human beings, in Islamic-based development theory (PBI), serve as servants and successors (khalifah) of Allah SWT, whereas in the conventional development theory, they serve as economic creatures whose sole functions are generating and consuming. Since human functions are dissimilar, therefore characters are also different. Al-Qur'an, which suffices as the epistemological source of PBI, elucidates on the characters of development actors. The point of issue aims at these questions: which al-Qur'an verses discuss the characters of development actors? How are the characters of PBI development actors construed by scholarly interpreters? In an effort to answer both questions, this paperwork highlights two main objectives. First, identifying the verses regarding the characters of development actors in al-Qur'an; and second, analysing the characters of development actors based on scholarly interpreters' construal. This qualitative study, which used al-mawdu'iy

*interpretation method, discovered four characters of development actors built from scholarly interpreters' viewpoints: human beings with principles, generosity, integrity and aspirations.*

**Keywords:** *Characters, Islamic-based Development Actors, Scholarly Interpreters*

---

## **Pengenalan**

Setiap pembangunan tidak mungkin dapat dilaksanakan kecuali ada pelakunya (*development actors*). Dalam teori pembangunan berteraskan Islam (PBI), pelakunya ialah manusia. Begitu juga dalam teori pembangunan lazim. Namun, fungsi manusia sebagai pelaku pembangunan dalam teori pembangunan lazim adalah berbeza dengan fungsi manusia dalam teori pembangunan berteraskan Islam. Dalam pembangunan lazim, manusia sebagai makhluk ekonomi yang mengeluarkan dan mengguna semata-mata. Fungsi manusia dalam PBI pula, ialah sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Perbezaan tersebut disebabkan oleh acuan yang membentuk kedua-dua teori pembangunan tersebut. Teori pembangunan berteraskan Islam dibentuk beracukan pemikiran Islam, manakala teori pembangunan lazim dibentuk beracukan pemikiran lazim. Oleh sebab teori pembangunan lazim beracukan lazim maka manusia dalam teori pembangunan lazim itu hanya dilihat dari aspek keupayaan dan fizikalnya semata-mata tanpa mengambil kira aspek spiritual. Justeru, disebabkan fungsi yang berbeza maka perwatakan juga berbeza. Dalam al-Qur'an ada membincangkan perwatakan manusia yang perlu dicontohi selaku pelaku pembangunan. Situasi yang dapat dilihat di Malaysia, sebagaimana dalam artikel 3 perlembagaan persekutuan mengiktiraf Islam sebagai agama persekutuan. Oleh itu, umat Islam perlu dibangunkan dengan acuan Islam dan mengamalkan cara hidup yang Islam gariskan. Apabila individu dapat dibina atas dasar Islam akan membentuk masyarakat Islam secara kolektif. Justeru itu masyarakat dapat memiliki tasawur pembangunan Islam maka, akan membentuk suasana harmoni dan aman damai serta berpegang teguh kepada tauhid (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013:356).

Berhubung isu ini kertas kerja ditulis bagi mencapai dua objektif utama. Pertama, mengenal pasti ayat-ayat perwatakan pelaku pembangunan dalam al-Qur'an; dan kedua, menganalisis perwatakan pelaku pembangunan berdasarkan pandangan mufasirin. Secara umumnya perbincangan dalam kertas kerja ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pertama, membincangkan fungsi manusia sebagai pelaku pembangunan berteraskan Islam; kedua, membincangkan ayat-ayat al-Qur'an berkaitan perwatakan pelaku PBI; dan ketiga, menganalisis perwatakan pelaku pembangunan daripada pandangan mufasirin.

## **Metodologi Kajian**

Kajian kertas kerja ini dibuat menggunakan kaedah kualitatif yang meneliti sumber daripada bahan primer dan sekunder. Sumber sekunder yang dimaksudkan ialah kajian-kajian dan karya-karya terdahulu yang berkaitan seperti tesis, jurnal, laman sesawang dan penulisan-penulisan berkaitan konsep pelaku pembangunan dan PBI. Selain itu, kertas kerja ini turut merujuk sumber-sumber utama Islam iaitu al-Qur'an dan hadis serta penulisan-penulisan yang berkaitan merangkumi kitab-kitab tafsir. Ia dianalisis menggunakan kaedah tafsir *al-Mawdu'iy* dengan meneliti tema manusia dalam al-Qur'an. Kaedah ini dilakukan dengan mengumpul ayat-ayat al-Qur'an berkaitan sesuatu tema atau tajuk sama ada tertumpu kepada sesebuah surah atau pelbagai surah dalam al-Qur'an (Muslim, 1997:16). Tema yang sama tersebut dikumpulkan, kemudian dianalisis menggunakan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Antara kitab tafsir yang digunapakai dalam kertas kerja ini adalah daripada karya Ibn Kathir (*Tafsir al-Qur'an al-'Azim*), al-Tabariy (*Tafsir al-Tabariy*), al-Qurtubiy (*Al-Jami' li Ahkam*

*al-Qur'an*), Syed Qutb (*Tafsir fi zilal al-Qur'an*) dan al-Zuhayliy (*Al-Tafsir al-munir fi al-'aqida wa al-syari'at wa al-manhaj*). Kaedah ini dipilih kerana kajian berkaitan al-Qur'an sangat sesuai dianalisis menggunakan kaedah tafsir *al-mawdhu'iy*.

### **Kajian Literatur**

Secara umumnya, kajian literatur ini merangkumi dua aspek utama. Perinciannya adalah seperti berikut:

#### **Manusia Sebagai Pelaku Pembangunan Berteraskan Islam (PBI)**

Manusia selaku pelaku PBI juga dicorakkan melalui fungsi yang dijalankan oleh manusia iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Manusia dalam PBI ini dilihat mempunyai matlamat akhir pembangunan dan kehidupan yang jelas iaitu untuk mencapai redha Allah SWT dan berusaha memperoleh kejayaan yang hakiki (*al-falah*) (Aidit Ghazali, 1990 & Abdul Rahman Ahmad, 2006). Selain itu, dalam konteks menguruskan sumber alam yang ada, manusia ini amat menjaga amanah dengan baik dan menguruskan sumber dengan penuh dedikasi (Kasim Mansur, 2008). Selanjutnya, perwatakan utama yang menjadi tunjang bagi manusia selaku pelaku pembangunan ini adalah pegangan tauhid yang kukuh dalam merangka gerak kerja pembangunan.

#### **Tamthiliyyat Perwatakan Pelaku PBI**

*Tamthiliyyat* tentang manusia dalam al-Qur'an dibahagikan mengikut jenis-jenis *tamthiliyyat* oleh Sukki Othman dan Arieff Salleh Rosman (2015). *Mathal al-sarih* dibahagikan kepada *tamthiliyyat* orang beriman (perjuangan umat Muhammad SAW umpama perjuangan umat terdahulu), kafir (orang kafir diumpamakan seperti anjing) dan munafik (yahudi jahil seperti keldai). Ia juga senada dengan Rahmat Hidayat Lubis dan Gamal Abdul Nasir Zakaria (2020), mereka meneliti pelbagai aspek umum tentang *tamthiliyyat* dalam al-Qur'an. Ia juga membuat perbandingan *tamthiliyyat* dengan uslub ilmu *balaghah* yang lain seperti *al-tasybih*, *al-isti'arah*, *majaz al-mursal* dan *al-kinayat*. Selain itu, karya ini turut menjelaskan dengan mendalam berkaitan tipologi perkataan *mathal* dalam al-Qur'an seperti *uslub* yang mengandungi perkataan *mathal* sahaja, perkataan *mathal* dan *kaf al-tasybih*, perkataan *daraba* dan *kaf*.

#### **Perwatakan Pelaku Pembangunan Berdasarkan Pandangan Mufasirin**

Perwatakan pelaku pembangunan juga terkandung dalam al-Qur'an berbentuk *uslub tamthiliyyat* (perumpamaan). *Tamthiliyyat* bermaksud perumpamaan-perumpamaan yang merupakan ungkapan kata-kata yang jelas, ringkas dan padat serta penuh hikmah untuk diterima dan difahami. Menurut bahasa, ia berasal daripada perkataan Arab iaitu *jamak* perkataan *mathal*, *mithil*, *mathil* yang mempunyai maksud yang sama dengan *syabah*, *syibh* dan *syabih* yang bermakna sama, serupa, seperti, sebagaimana dan seumpama (Ibrahim Madhkur, 1985:888). Menurut Ibn Manzur (1990:611) pula *tamthiliyyat* sebagai sesuatu yang dibandingkan dengan sesuatu yang seumpama dengannya. Selain itu, ia juga dikatakan dengan maksud lain iaitu tanda dan pengajaran.

Berdasarkan pandangan mufasirin iaitu Ibn Kathir, al-Tabariy, al-Qurtubiy, Syed Qutb dan al-Zuhayliy terdapat beberapa ayat *tamthiliyyat* yang memperihalkan perwatakan pelaku pembangunan dalam al-Qur'an. Ia diringkaskan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Ayat-ayat Perwatakan Pelaku Pembangunan Dalam al-Qur'an**

| Ayat al-Qur'an     | Perwatakan Pelaku Pembangunan | <i>Tamthiliyyat</i>  |
|--------------------|-------------------------------|----------------------|
| Ibrahim (14:24)    | Berprinsip                    | Pohon yang teguh     |
| Al-Baqarat (2:261) | Dermawan                      | Biji benih bercambah |
| Al-Jumu'at (62:5)  | Berintegriti                  | Keldai               |
| Al-Baqarat (2:264) | Berwawasan                    | Batu licin           |

Berdasarkan Jadual 1, terdapat empat perwatakan pelaku pembangunan berdasarkan ayat-ayat *tamthiliyyat* al-Qur'an. Ia diambil daripada empat ayat al-Qur'an dalam tiga surah iaitu Surah Ibrahim, Surah al-Baqarat, Surah al-Jumu'at. Selanjutnya, perwatakan pelaku pembangunan tersebut ialah manusia yang berprinsip (perumpamaan pohon teguh), dermawan (perumpamaan benih yang bercambah), berintegriti (perumpamaan keldai) dan berwawasan (perumpamaan batu yang licin). Perincian perwatakan pelaku pembangunan akan dijelaskan dalam subtopik seterusnya.

### **Berprinsip**

Pelaku PBI mesti berprinsipkan akidah yang sahih sebagai tunjang dalam kehidupan. Segala tindakan yang dilakukan harus menjadikan Allah SWT sebagai tujuan dan matlamat utama. Perkara yang perlu dipelajari oleh pelaku pembangunan adalah asas fardu ain yang meliputi aspek akidah, syariat dan akhlak supaya dapat membentuk peribadi Muslim yang sempurna. Pelaku pembangunan mesti berpegang dengan agama dan menjalankan semua perintah Allah SWT tanpa lalai dan ingkar. Ia selari dengan firman Allah SWT dalam ayat 153 daripada Surah al-An'am (6) yang bermaksud:

*“Dan bahawasanya sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul dan lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah SWT, dengan yang demikian itulah Allah SWT perintahkan kamu supaya kamu bertaqwa”* (al-An'am, 6:153).

Akidah merupakan asas dan tunjang dalam diri seorang Muslim. Ia juga membimbing manusia untuk mengatur kehidupan yang lebih harmoni dan tenang. Jika hilang asas akidah ini, maka ia akan hilang keseimbangan dalam kehidupan masyarakat bahkan akan menimbulkan jiwa yang kacau, tidak mempunyai matlamat hidup hingga terabai hubungan sesama manusia (Asming Yalawae, Mustafa 'Afifi Ab. Halim & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2011:2).

*Tamthiliyyat* al-Qur'an yang memperihalkan kepentingan akidah sebagai asas kehidupan pelaku PBI. Ia dikaitkan dengan pohon yang kuat yang menjadi dasar pegangan iman manusia selaku pelaku PBI. Sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat 24 daripada Surah Ibrahim (14) yang bermaksud:

*“Tidakkah engkau melihat (Muhammad) bagaimana Allah SWT mengemukakan satu perbandingan, iaitu kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik (akarnya tetap teguh) manakala cabang pucuknya menjulang ke langit”* (Ibrahim, 14:24).

Ayat 24 daripada Surah Ibrahim (14) ini merupakan ayat *Makkiyyat* dan jenis *tamthiliyyat* pula dikategorikan *tamthiliyyat* tersurat (*al-sarih*) kerana jelas perkataan مثل. Maksud kalimah yang baik menurut pendapat al-Tabariy tersebut mempunyai persamaan dengan Ibn Kathir (2003:66) iaitu lafaz syahadah (*la ilaha illa Allah*) yang bermaksud tiada tuhan yang disembah melainkan Allah SWT. Pohon yang baik pula seperti orang mukmin manakala akar yang teguh pula ialah keyakinan tiada *Ilah* yang benar selain Allah dalam pegangan orang mukmin.

### Dermawan

Perwatakan pelaku PBI yang suka bersedekah dikaitkan dengan akidah yang teguh kerana keyakinan pada rezeki milik Allah SWT. Amalan memberi merupakan salah satu kebaikan yang dianjurkan oleh Islam. Ia banyak ditekankan dalam al-Qur'an dan Hadis berkaitan amalan mulia yang dilakukan kerana Allah SWT untuk membantu orang yang memerlukan dan perlu dididik menjadi amalan rutin pelaku PBI. Amalan suka bersedekah ini bukan hanya untuk penyucian hati bahkan ia juga sebagai alat untuk pembangunan kelestarian sosio-ekonomi dalam membentuk manusia yang bahagia dunia dan akhirat (Salwa Amirah, Fidlizan, Joni Tamkin & Mohammad Taqiuddin, 2017:141). Perwatakan ini selari dengan ayat *tamthiliyyat* al-Qur'an seperti benih yang bercambah sebagaimana dalam Surah al-Baqarat (2:261) yang bermaksud:

*“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipat-gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya”* (al-Baqarat, 2:261).

Ayat 261 daripada Surah al-Baqarat (2) ini merupakan ayat *Madaniyyat* dan kategori pembahagian *tamthiliyyat* jenis tersurat (*al-sarih*)<sup>1</sup>. Ia memperihalkan berkaitan ganjaran pahala bagi amalan bersedekah. Harta yang diinfakkan oleh orang mukmin pada jalan Allah SWT adalah jihad. Ia akan dilipatgandakan ibarat sebutir biji gandum yang ditanam di tanah subur dan pada setiap biji benih itu terdapat 100 biji serta jumlah keseluruhannya sebanyak 700 biji atau lebih mengikut percaturan Allah SWT (Ibn Kathir, 2004:527; al-Tabariy, 2009:601 & al-Qurtubiy, 2006:667).

Al-Qurtubiy (2009:667) ada menyatakan ayat ini diturunkan berkaitan Uthman al-'Affan r.a dan Abdul Rahman al-'Awf r.a kerana mereka mendermakan harta untuk menyiapkan “*Jaisy al-'Usrat*” yang akan berperang di Tabuk.

### Berintegriti

Berintegriti merupakan salah satu sifat mahmudah yang dituntut untuk manusia memilikinya selaku pelaku PBI. Berintegriti akan memandu manusia untuk memilih dan melakukan perkara yang disukai Allah SWT dan meninggalkan perkara yang ditegah. Urusan pelaku PBI dalam semua aspek kehidupan bergantung kepada nilai integriti yang ada dalam diri. Pelaku

---

<sup>1</sup> Sejenis *uslub tamthiliyyat* yang menggunakan perkataan مثل atau perkataan lain yang berkaitan secara jelas dalam susunan ayat *tamthiliyyat*. *Tamthiliyyat* jenis ini menonjolkan gaya bahasa yang jelas untuk menunjukkan perbandingan atau perumpamaan (al-Laqaniy, 2008:23). Pengkaji Arab membuat kesimpulan bahawa penggunaan jenis *tamthiliyyat* ini paling banyak digunakan dalam al-Qur'an (Azhar Muhammad, 2008:43).

PBI yang berdepan dengan pelbagai tanggungjawab dan amanah yang diberikan perlu berhati-hati dengan perbuatan pecah amanah yang merupakan sifat orang munafik. Perwatakan sebegini dikaitkan dengan *tamthiliyyat* keldai yang perlu dijauhkan oleh pelaku pembangunan. Ia ada disebutkan dalam ayat 5 daripada Surah al-Jumu'at (62) yang bermaksud:

*“(Sifat-sifat Nabi Muhammad SAW itu telahpun diterangkan dalam Kitab Taurat tetapi orang-orang Yahudi tidak juga mempercayainya, maka) bandingan orang-orang (Yahudi) yang dpertanggungjawabkan dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungjawab dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya). Buruk sungguh bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah SWT; dan (ingatlah), Allah SWT tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim”* (al-Jumu'at, 62:5).

Ayat ini merupakan ayat *Madaniyyat* dan jenis *tamthiliyyat* tersurat (*al-sarih*). Allah SWT mendatangkan *tamthiliyyat* ini untuk menempelak kaum Yahudi dan disamakan dengan keldai. Ini kerana mereka tidak mengamalkan ajaran Kitab Taurat serta mendustakan isi kandungan mengenai kenabian Rasulullah SAW. Pendapat al-Tabariy (2009:635) seiiring dengan Ibn Kathir (1998:134) bahawa *tamthiliyyat* ini diketengahkan untuk memberi teguran kepada kaum Yahudi yang diberikan kitab dan ilmu namun tidak dipedulikan bahkan menyeleweng isi kandungan Kitab tersebut. Pendustaan tersebut akan membuatkan Allah SWT tidak akan memberi panduan untuk kehidupan lagi. Al-Qurtubiy (2006:460) pula menyatakan bahawa *tamthiliyyat* ini didatangkan sebagai peringatan daripada Allah SWT agar manusia yang mempelajari seterusnya beramal dengan isi kandungan didalamnya.

Pelaku PBI memikul tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Selain itu juga, pelbagai integriti lain juga yang perlu dijaga selaku pelaku PBI antaranya ialah menjaga amanah terhadap keluarga, masyarakat, agama, negara dan diri sendiri. Pelaku PBI perlu jujur terhadap tanggungjawab yang diberikan terutamanya yang melibatkan soal pekerjaan. Ia meliputi aspek sektor awam atau swasta yang perlu dipatuhi peraturan dan undang-undangnya.

### **Berwawasan**

Pelaku PBI yang meyakini kehidupan akhirat sebagai kehidupan yang kekal abadi perlu menjadikan perbuatan di dunia ini sebagai tempat untuk beribadah sebaik mungkin. Menjadikan kehidupan sebagai wawasan akhirat untuk mendapatkan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah SWT. Ia juga perlu melipat gandakan amalan agar kelak bertemu dengan Allah SWT dalam keadaan yang mulia.

Walau bagaimanapun, amalan baik tersebut hendaklah tidak mengandungi unsur riyak yang kelak menjadikan amalan sia-sia. Ia telah disebut dalam *tamthiliyyat* seperti batu licin dalam Surah al-Baqarat (2:264) yang bermaksud:

*“Wahai orang beriman! jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riyak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah*

*dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu adalah seperti batu licin yang ada tanah diatasnya kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang kafir dan riyak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir” (al-Baqarat, 2:264).*

Ayat ini merupakan ayat *Madaniyyat* dan kategori pembahagian *tamthiliyyat* jenis tersurat (*al-sarih*). Ia memperihalkan kerugian bagi manusia yang menghapuskan pahala sedekah dengan mengungkit-ungkit, riyak, menyakitkan hati penerima infak dan sebagainya seperti yang dilakukan oleh orang kafir. Al-Tabariy (2009:611) menyatakan *tamthiliyyat* orang yang menginfakkan harta kerana riyak kepada manusia dan tidak mahu beriman kepada Allah SWT ia seperti batu licin yang pada mulanya terdapat tanah pada batu tersebut, kemudian ditimpa hujan yang lebat. Maka, akibat hujan lebat tersebut telah menghilangkan keseluruhan tanah atau debu yang ada pada batu tersebut dan menjadikan batu itu licin tanpa sesuatupun. Begitulah ibarat pahala infak yang dihapuskan oleh perbuatan mazmumah seperti riyak, menyakitkan hati orang lain, mengungkit pemberian, mengharap pujian manusia dan sebagainya. Ibn Kathir (2003:530) dan al-Qurtubiy (2006:685) sepakat menyatakan bahawa golongan manusia yang menginfakkan harta bukan mengharapkan reda Allah SWT, tetapi hanya untuk menagih pujian manusia dan ingin mendapat gelaran dermawan dan pemurah.

Menjadi kerugian besar apabila amalan yang dilakukan tidak dikira sedangkan pelaku PBI yang sepatutnya menjadikan akhirat sebagai wawasan kehidupan. Selain itu, selaku hamba dan khalifah Allah SWT, pelaku PBI sebagai sumber utama dalam menguruskan sebarang gerak kerja dalam organisasi. Oleh itu, pelaku PBI hendaklah bekerja berlandaskan prinsip-prinsip Islam agar ia selari dengan al-Qur'an dan hadis (Nurhidayah Marzuki@Yahaya, 2015:4). Selanjutnya, pelaku PBI yang berwawasan perlu memiliki prinsip hidup yang jelas apabila melibatkan perkara halal dan haram. Allah SWT mengeji manusia yang mengharamkan sesuatu yang halal dalam *tamthiliyyat* seperti jatuh dari langit yang terdapat dalam Surah al-Hajj (22: 30-31). Prinsip perlu jelas dan teguh apabila berhadapan soal halal dan haram dalam apa jua aspek yang meliputi kehidupan manusia.

## Penutup

Berdasarkan perbincangan dalam kajian ini, terdapat empat perwatakan pelaku pembangunan berdasarkan pandangan mufasirin iaitu manusia yang berprinsip, dermawan, berintegriti dan berwawasan. Ia meliputi dua ayat *tamthiliyyat* pohon yang teguh (manusia berprinsip) dan *tamthiliyyat* benih yang bercambah (manusia yang dermawan). Kedua-dua *tamthiliyyat* ini adalah perwatakan yang terpuji. Manakala, dua lagi ayat al-Qur'an iaitu *tamthiliyyat* Keldai (manusia yang berintegriti) dan *tamthiliyyat* batu yang licin ditimpa hujan (manusia yang berwawasan). Kedua-dua ayat *tamthiliyyat* tersebut adalah kategori perwatakan yang dikeji dan perlu diambil iktibar untuk menghindari watak manusia tersebut.

Sebagai kesimpulan, manusia selaku pembangunan perlu memiliki perwatakan khusus yang dibina daripada wahyu ilahi. Perwatakan tersebut dibina daripada fungsi manusia dalam sesebuah pembangunan.

## Rujukan

- Abdul Jalil Borham. (2008). *Asas pembangunan modal insan*. Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang
- Abdul Rahman Ahmad (2006). *Pembangunan Modal Insan: apa dan kenapa perlu dalam konteks organisasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Human Resources Academy.
- Aidit Ghazali. (1990). *Development an Islamic Perspective*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Al-Qurtubiy, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr. (2006). *Al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*, Jld. 4. Beirut, Lubnan: Mua’sasat al-Risalat
- Al-Tabariy, Abi Ja’far Muhammad bin Jarir. (2009). *Tafsir al-Tabariy*, terj. Ahsan Askan. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Asming Yalawae, Mustafa ‘Afifi Ab. Halim & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2011). Akidah: Peranan dan Kepentingannya dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga. *Jurnal Usuluddin* (33), 1-18.
- Azhar Muhammad. (2008). *Perumpamaan al-Qur’an*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida’ Isma’il (2004). *Tafsir al-Qur’an al-‘azim*. Kaherah: Maktabah Aulad al-Syeikh li al-Turath.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad. (1990). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibrahim Madhkur. (1985). *Al-Mu‘jam al-Wasit*. Kaherah: (t.p).
- Kasim Mansur. (2008). *Pembentukan modal insan cemerlang: pendekatan ekonomi Islam*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Muhsin Abdul al-Hamid. (1998). *Islam dan pembangunan sosial*. Selangor: Thinker’s Library Sdn.Bhd.
- Muslim, Mustafa. (1997). *Mabahith fi al-tafsir al-mawdu‘iy*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Nor Sahida Mohamad, Sanep Ahmad. (2013). Prosiding PERKEM. 355-370. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) “Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju”.Johor Bahru.
- Nurhidayah Marzuki@Yahaya. (2015). Etika Kerja Islam Dalam Pengurusan Insan. Kertas Kerja dibentang di *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS 2015)*, Pulau Pinang, Malaysia.
- Salwa Amirah Awang, Fidlizan Muhammad, Joni Tamkin Borhan & Mohammad Taquiuddin Mohamad. (2017). The concept of charity in Islam: An analysis on the verses of the Qur’an and Hadith. *Journal of Usuluddin*, 45 (1), 141-172.